

STRATEGI PEMBELAJARAN KOSA KATA BAHASA ARAB DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH (Implementing Arabic Vocabulary Learning Strategies Among the Primary School Students)

*Nik Fairuz Azrin¹, Harun Baharudin¹

¹Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, 43600 Bangi, Selangor.

*Corresponding author's email: nikfairuz70@gmail.com

Article History:

Submit: 15 April 2020

Accepted: 15 April 2020

Revised: 6 September 2020

Published: 28 December 2020

Attarbawiy: *Malaysian Online Journal of Education*

Vol. 4, No. 2 (2020), 17-23

Abstrak

Penerapan strategi pembelajaran kosa kata Bahasa Arab merupakan subtopik daripada strategi pembelajaran bahasa yang perlu dikuasai oleh murid Bahasa Arab. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau penggunaan Strategi Pembelajaran Kosa Kata (SPK) bahasa Arab dalam kalangan murid di Daerah Petaling Perdana Selangor. Kajian ini merupakan deskriptif berbentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik. Kajian ini merupakan kajian deskriptif berbentuk kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian yang melibatkan populasi seramai 280 orang dan memilih seramai 30 orang sampel secara rawak mudah bagi murid Tahun 6 di salah sebuah sekolah di Daerah Petaling Perdana, Selangor. Instrumen soal selidik yang digunakan dalam kajian ini telah diadaptasi berdasarkan Inventori Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) Zamri et. al (2010). Dapatan kajian menunjukkan Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab di dalam kelas yang paling banyak digunakan oleh murid didalam kelas ialah “murid meminta banyuan rakan jika tidak faham penjelasan kosa kata yang guru berikan min= 4.3 iaitu pada tahap penggunaan sederhana tinggi. Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab di dalam kelas yang paling kurang digunakan ialah “Saya mengulang kaji pembelajaran kosa kata Bahasa Arab sebelum kelas bermula” dengan min = 2.87. Manakala, strategi pembelajaran diluar kelas iaitu murid menghafal kosa kata Bahasa Arab yang sukar difahami untuk tujuan peperiksaan menunjukkan skor min adalah sederhana tinggi untuk item satu Min = 4.33. Rumusan kajian menunjukkan para pelajar masih menggunakan bantuan daripada guru mahupun rakan dalam Strategi Pembelajaran Kosa Kata.

Kata kunci: Strategi Pembelajaran; Kosa Kata Bahasa Arab; Luar Kelas; Dalam Kelas; Semasa peperiksaan.

Abstract

Implementing Arabic vocabulary learning strategies is a sub-topic of language learning strategies that students need to master. Therefore, the purpose of this study is to examine the use of 'Strategi Pembelajaran Kosa Kata' (SPK) among the primary students in Petaling Perdana Selangor. This descriptive study is in quantitative form by using some questionnaires. The study sample consist of 280 population and 30 students which are randomly selected among year 6 students. The instruments used in this study were adapted based on the Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) Zamri et. al (2010). The findings show that "Strategi Pembelajaran Kosa Kata" are most commonly used by students in the classroom is "the students ask for a friend's explanation if they do not understand the vocabulary that the teacher had given mean = 4.3 which is at a moderate usage. The least usage of "Strategi Pembelajaran Kosa Kata" in the classroom was "I repeated my vocabulary study in Arabic before the class starts" with a mean of 2.87. On the other hand, a classroom-based learning strategy in which students memorize difficult Arabic vocabulary for the examination purposes indicates that the mean score is relatively high for item one Min = 4.33. In summary, the study shows that students are still depends on their teachers' and friend's help in the "Strategi Pembelajaran Kosa Kata".

Keywords: Learning Strategies; Arabic Vocabulary; in the Classroom; Outside the Classroom; During Examination.

1.0 PENGENALAN

Pengajaran kota kasa telah berkembang dengan pesat sejak-sejak akhir terutama terhadap bahasa utama dunia, seperti bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Jerman. Namun begitu, aspek kosa kata bahasa Arab di dunia amnya (Ryding, 2016; al Batal, 2016) dan di Malaysia khasnya kurang mendapat perhatian. (Hasan Basri, 1994; Jusoh, 1995, Che Radiah & Norhayuza, 2011). Kekurangan ini menyebabkan penerokaan terhadap aspek kosa kata agak perlahan akibat daripada kekurangan data dan maklumat. Kajian yang dijalankan oleh Barbara Bakker (2019) juga jelas menunjukkan bahawa strategi pengajaran yang cemerlang dari guru tersebut mampu memberi peningkatan dalam penguasaan kosa kata pelajar. Oleh itu, sebagai guru amat penting untuk memberi tumpuan terhadap arahan dalam pembelajaran kosa kata ketika mengajar.

Di dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab, empat kemahiran bahasa Arab merupakan tunjang asas bagi mempelajari kota kata itu. Menurut kajian Smith (1998) dan Harmon, et al. (2009), pembelajaran kosa kata ini adalah satu proses berterusan untuk mengenal perkataan baru dan memahami penggunaannya. Manakala strategi pembelajaran bahasa merupakan satu wasilah untuk murid menguasai kosa kata, menurut pandangan Irma Martiny et al. (2017). Antara faktor kejayaan penguasaan bahasa murid adalah strategi dan teknik yang digunakan murid. (Menurut Irma Martiny (2012); Kamarul Shukri & Mohamed Amin (2009); Dreyer & Oxford (1996) & Chamot (1994). Murid yang mempunyai tahap penguasaan bahasa yang tinggi, lebih cenderung menggunakan lebih banyak teknik dan strategi. (Zamri et al., 2010).

Jika dilihat daripada kajian- kajian lepas, faktor utama pencapaian pelajar yang rendah dan permasalahan dalam pembelajaran bahasa Arab berpunca daripada penguasaan kosa kata yang lemah. Penguasaan aspek pengetahuan kosa kata yang terhad ini akan membataskan keupayaan pelajar dalam menguasai kemahiran berbahasa (Ashinida, 2012 & Ghazali, 2013) sekaligus memberi kesan negatif kepada para pelajar dalam menguasai bahasa Arab, baik dalam empat kemahiran berbahasa mahupun pencapaian peperiksaan. (Nurulakhma et. al 2016). Selain itu, kajian daripada Mohamad Rofian et al. (2014) menunjukkan bahawa kesalahan kosa kata merupakan kesalahan yang paling banyak dilakukan oleh para pelajar didalam penulisan karangan. Pemilihan kosa kata yang salah akan menyebabkan idea yang ingin disampaikan tidak jelas dan boleh memberi makna yang salah.

Seterusnya, jika ditelusuri kajian-kajian lepas, cara yang paling berkesan untuk pembelajaran kosa kata berkait rapat dengan strategi permainan yang dapat merangsang imaginasi dan penerokaan minda murid tersebut. Kajian ini turut disokong oleh kajian Muhammad Fauziddin et al (2020), murid yang mempunyai kecenderungan bahasa yang tinggi dipegaruhi oleh kepelbagaian strategi yang digunakan untuk menguasai kosa kata baru dengan lebih mudah. Strategi pembelajaran penguasaan kosa kata oleh murid yang mempelajari bahasa asing tidak sama seperti murid penutur jati.

Oleh yang demikian, untuk memperolehi kemahiran kosa kata yang baik, murid perlulah menguasai kosa kata yang pelbagai. Guru yang kreatif dan kritis akan melahirkan murid- murid yang boleh mencapai hasil pembelajaran kosa kata yang optimum dan mampu menguasainya dengan baik.

2.0 OBJEKTIF

- a) Untuk mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa (SPB) aspek kosa kata yang digunakan oleh murid di dalam kelas.
- b) Untuk mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa (SPB) aspek kosa kata yang digunakan oleh murid di luar kelas.
- c) Untuk mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa (SPB) aspek kosa kata yang digunakan oleh murid semasa peperiksaan.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kes berbentuk kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Kajian ini melibatkan populasi seramai 280 orang dan seramai 30 orang sampel dipilih menggunakan persampelan secara rawak mudah bagi murid Tahun 6 di salah sebuah sekolah rendah di Daerah Petaling Perdana, Selangor. Pemilihan murid Tahun 6 sebagai sampel kajian disebabkan murid ini lebih matang dalam pembelajaran Bahasa Arab. Selain itu, mereka merupakan kumpulan pelopor untuk sukatan pelajaran Bahasa Arab yang terkini. Soal selidik ini diadaptasi berdasarkan Inventori Strategi Pembelajaran Bahasa

(SPB) Zamri et. al (2010). Walaubagaimanapun, dalam kajian ini pengkaji hanya menggunakan soal selidik bagi mengumpulkan maklumat berkaitan strategi bagi aspek kosa kata di dalam, di luar kelas dan semasa peperiksaan sahaja.

Data yang diperoleh melalui set item soal selidik direkodkan dan diproses menggunakan perisian SPSS versi 23.0 dan kaedah statistik deskriptif digunakan bagi menghuraikan maklumat ataupun data yang diperoleh bagi populasi dan sampel (Azizi et.al., 2007). Statistik deskriptif juga digunakan untuk mengira min dan sisihan piawai bagi setiap konstruk berdasarkan SPB. Menurut Ahmad Atory (2004), min bagi satu skor dihitung dengan menambah semua skor dan dibahagikan hasilnya dengan bilangan skor-skor itu. Oleh itu, analisis deskriptif ini bersesuaian dengan tujuan kajian yang dijalankan ini.

Analisis dijalankan bertujuan untuk mendapatkan nilai min dan sisihan piawai yang dapat memberikan gambaran data yang diperolehi. Bagi memudahkan kefahaman pembaca data ini disusun mengikut skor min secara menurun dari skor paling tinggi kepada skor min yang paling rendah. Data dianalisis bagi mendapatkan nilai min sampel yang menjawab “Sangat Setuju” “Setuju”, “Tidak Pasti”, “Tidak Setuju” dan “Sangat Tidak Setuju” dengan menggunakan Skala Likert. Skala Likert adalah terbaik kerana berupaya mengeluarkan tindak balas yang berkaitan dengan tujuan pengkaji (Sekaran, 2003).

Jadual 1: Interpretasi Skor Min bagi Strategi Pembelajaran Aspek Kosa Kata

Skor min	Interpretasi min
4.5 – 5.0	Tinggi
3.5 – 4.4	Sederhana Tinggi
2.5 – 3.4	Sederhana
1.5 – 2.4	Sederhana Rendah
1.0 – 1.4	Rendah

Sumber: Nilai skor min menurut Oxford (1990)

4.0 DAPATAN KAJIAN

4.1 Strategi Pembelajaran Kosa Kata di Dalam Kelas (DDK)

Jadual 2 menunjukkan Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab di dalam kelas yang paling banyak digunakan oleh murid di dalam kelas ialah murid meminta bantuan rakan jika tidak faham penjelasan kosa kata yang guru berikan (Min = 4.3 dan Sisihan piawai = 0.837) pada tahap penggunaan sederhana tinggi. Strategi lain yang digunakan di dalam kelas ialah murid bertanya rakan sekiranya tidak faham maksud sesuatu kosa kata (Min = 4.27 dan Sisihan piawai = 0.944) iaitu pada tahap sederhana tinggi.

Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab di Dalam Kelas yang paling kurang digunakan ialah murid mengulang kaji pembelajaran kosa kata Bahasa Arab sebelum kelas bermula (Min = 2.87 dan Sisihan piawai = 0.776) dan murid membuat latihan kosa kata Bahasa Arab sebelum kelas bermula (Min = 2.8 dan Sisihan piawai = 0.761) iaitu pada tahap sederhana. Min keseluruhan SPBDDK ialah 3.63 iaitu berada pada tahap sederhana tinggi.

Jadual 2: Strategi Pembelajaran Kosa Kata di Dalam Kelas (DDK)

Bil.	Item	Min (μ)	SP
1.	Saya membuat latihan kosa kata Bahasa Arab sebelum kelas bermula.	2.80	0.761
2.	Saya mengulang kaji pembelajaran kosa kata Bahasa Arab sebelum kelas bermula.	2.87	0.776
3.	Saya meminta guru membetulkan kesalahan kosa kata Bahasa Arab.	3.40	0.855
4.	Saya merujuk kamus untuk memahami maksud sesuatu kosa kata Bahasa Arab.	3.57	1.073
5.	Saya melibatkan diri secara aktif semasa belajar kosa kata Bahasa Arab.	3.60	0.855
6.	Saya memberi tumpuan sepenuhnya semasa belajar kosa kata Bahasa Arab.	3.90	0.712
7.	Saya bertanya guru sekiranya tidak faham maksud sesuatu kosa kata.	3.93	1.015
8.	Saya menanya rakan sekiranya tidak faham maksud sesuatu kosa kata.	4.27	0.944
9.	Saya meminta bantuan rakan jika tidak faham penjelasan kosa kata yang guru berikan.	4.30	0.837
Purata Min		3.63	ST

4.2 Strategi Pembelajaran Kosakata di Luar Kelas (DLK)

Jadual 3 menunjukkan Strategi Pembelajaran Kosakata Bahasa Arab di Luar Kelas yang paling banyak digunakan ialah murid bertanya rakan jika tidak faham tentang sesuatu kosakata Bahasa Arab (Min = 4.2 dan Sisihan piawai = 1.031) dan murid membuat latihan kosakata Bahasa Arab yang diberikan oleh guru dengan segera (Min = 3.97 dan Sisihan piawai = 0.765) iaitu kedua-duanya berada pada tahap sederhana tinggi. Strategi lain yang digunakan di luar kelas ialah murid bertanya keluarga/ ibu bapa jika tidak faham maksud sesuatu kosakata Bahasa Arab (Min = 3.73 dan Sisihan piawai = 0.800) juga pada tahap sederhana tinggi.

Strategi Pembelajaran Kosakata Bahasa Arab di Luar Kelas yang paling kurang digunakan ialah murid bertanya guru di bilik guru di luar kelas jika tidak memahami maksud kosakata Bahasa Arab (Min = 2.77 dan Sisihan piawai = 0.774) pada tahap sederhana dan murid banyak membuat latihan kosakata bahasa Arab di luar kelas (Min = 2.8 dan Sisihan piawai = 1.031) berada pada tahap sederhana. Walaubagaimanapun, min keseluruhan bagi SPBDLK ialah 3.43 iaitu berada pada tahap sederhana.

Jadual 3: Strategi Pembelajaran Kosakata di Luar Kelas (DLK)

Bil.	Item	Min(μ)	SP
1.	Saya bertanya guru di bilik guru di luar kelas jika tidak memahami maksud kosakata Bahasa Arab.	2.77	0.774
2.	Saya banyak membuat latihan kosakata bahasa Arab di luar kelas.	2.80	1.031
3.	Saya membuat latihan kosakata Bahasa Arab walaupun guru tidak menyuruhnya.	2.90	1.125
4.	Saya menggunakan kosakata Bahasa Arab yang ditemui dalam penulisan saya.	2.90	0.803
5.	Saya catat kosakata Bahasa Arab yang sukar difahami ketika mendengar berita/ lagu di televisyen.	2.97	0.999
6.	Saya merancang masa latihan kosakata Bahasa Arab setiap minggu.	3.07	0.944
7.	Saya mencatat kosakata Bahasa Arab yang sukar difahami ketika membaca sesuatu bahan.	3.13	1.002
8.	Saya membuat latihan kosakata Bahasa Arab yang diberikan oleh guru dengan segera.	3.97	0.765
9.	Saya membuat ulangkaji pembelajaran kosakata Bahasa Arab.	3.50	0.938
10.	Kelas tuisyen banyak membantu mengukuhkan kosakata saya.	3.57	0.935
11.	Bermain silangkata dapat membantu meningkatkan penguasaan kosakata saya.	3.67	1.241
12.	Saya menanya keluarga/ ibu bapa jika tidak faham maksud sesuatu kosakata Bahasa Arab.	3.73	1.202
13.	Saya membeli buku latihan untuk menguasai maksud kosakata yang sukar difahami.	3.73	0.800
14.	Saya merujuk kamus untuk menguasai maksud kosakata yang sukar difahami.	3.80	1.064
15.	Dengan membaca pelbagai bahan bacaan dapat membantu saya menguasai pelbagai kosakata.	4.1	0.845
16.	Saya bertanya rakan jika tidak faham tentang sesuatu kosakata Bahasa Arab.	4.20	1.031
Purata Min		3.43	ST

4.3 Strategi Pembelajaran Kosakata Semasa Peperiksaan (PEP)

Jadual 4 menunjukkan skor min adalah sederhana tinggi untuk item satu (Min = 4.33 dan Sisihan piawai = 0.884), item tujuh (Min = 4.3 dan Sisihan piawai = 0.651) dan item dua (Min = 4.17 dan Sisihan piawai = 0.791). Item tersebut ialah berkaitan murid menghafal kosakata Bahasa Arab yang sukar difahami untuk tujuan peperiksaan, murid semak jawapan kosakata yang dijawab sebelum menghantar kertas jawapan dan murid berbincang dengan rakan tentang soalan kosakata bahasa Arab yang pernah keluar. Kajian juga menunjukkan skor min murid meminta guru memeriksa jawapan atau memberi komen latihan kosakata Bahasa Arab yang dibuat adalah pada tahap sederhana (Min = 3.1 dan Sisihan piawai = 1.155). Item yang lain juga menunjukkan skor min yang sederhana manakala skor min keseluruhan adalah 3.66 iaitu di tahap sederhana tinggi.

Jadual 4: Strategi Pembelajaran Kosakata Semasa Peperiksaan (PEP)

Bil.	Item	Min(μ)	SP
1.	Saya meminta guru periksa jawapan/beri komen latihan kosakata Bahasa Arab yang dibuat.	3.1	1.155
2.	Saya gunakan pelbagai kosakata Bahasa Arab yang baru semasa menjawab soalan peperiksaan.	3.2	0.887
3.	Saya banyak membuat ulangkaji jawab soalan kosakata dengan rakan sekolah lain untuk dibuat latihan.	3.27	0.828
4.	Saya membeli pelbagai buku kosakata Bahasa Arab yang dapat membantu menjawab soalan ketika peperiksaan.	3.3	0.988
5.	Saya mencari bahan berkaitan kosakata Bahasa Arab di internet untuk dibuat latihan.	3.57	1.040
6.	Saya berbincang dengan rakan tentang soalan kosakata Bahasa Arab yang pernah keluar.	4.17	0.791
7.	Saya semak jawapan kosakata yang dijawab sebelum menghantar kertas jawapan.	4.3	0.651
8.	Saya menghafal kosakata Bahasa Arab yang sukar difahami untuk tujuan peperiksaan.	4.33	0.884
Purata Min		3.66	ST

5.0 PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan murid banyak bertanya rakan tentang kosakata jika tidak memahami penjelasan kosakata yang guru berikan di dalam kelas. Ini menunjukkan pelajar lebih selesa untuk bertanya rakan jika tidak memahami sesuatu maksud. Menurut Baharin et al. (2007) murid lebih banyak bertanya rakan berbanding mencari dalam kamus. Dalam kajian yang dijalankan oleh Zaid Arafat Mohd Noor et. al (2016) juga jelas menunjukkan bahawa murid lebih banyak bergantung kepada rakan mengenai latihan kosakata yang diberikan oleh guru. Hal ini turut sama terjadi kepada pelajar asing yang mengambil kursus bahasa Melayu di Jerman, ia disebabkan kurang pendedahan tentang penggunaan kamus bahasa Melayu dan merasakan penggunaan kamus itu bersifat susah.

Dapatan kajian SPK di luar kelas juga menunjukkan murid lebih banyak bertanya rakan jika tidak memahami kosakata berbanding bertanya guru di luar kelas jika tidak memahaminya. Hal ini menunjukkan para pelajar menggunakan bantuan rakan sebaya sebagai pembelajaran sendiri. Menurut Holmes (2003), pelajar lebih senang dan cenderung untuk memilih rakan yang senang untuk diajak berbincang dan bersua muka. Hal ini banyak memberi kebaikan kepada pelajar kerana mereka akan berasa selesa untuk bekerjasama antara satu sama lain dan tidak timbul jurang perbezaan yang ketara dalam tahap penguasaan komunikasi bahasa Arab dalam kalangan mereka. Dalam kajian yang dijalankan oleh A. Karkar et. al (2016), jelas menunjukkan bahawa pelajar lebih selesa mewujudkan lebih banyak hubungan dengan rakan-rakan mereka kerana lebih membuahkan idea yang pelbagai dalam sebarang perbincangan. Oleh itu, guru boleh memilih murid yang berkemampuan dan berkebolehan dalam bahasa Arab untuk menjadi 'guru muda' bagi membolehkan mereka

Selain itu, jarak sosial antara seorang pelajar dengan seorang guru berbeza dengan jarak sosial antara seorang pelajar dengan rakan-rakannya. Murid lebih rapat dan terbuka jika bersama dengan rakan-rakan berbanding dengan guru (Noor Zuhidah & Siti Saniah, 2017). Namun begitu, perbezaan ketara dalam dapatan yang menunjukkan pelajar lebih banyak bertanya rakan berbanding bertanya guru tentang kosakata samada di dalam kelas mahupun di luar kelas ini perlu di ambil perhatian. Dalam kajian yang dijalankan oleh Mar'atus Sholehah (2017), juga jelas menunjukkan bahawa salah satu strategi pembelajaran kosakata murid adalah dari persekitaran sosial yang diwujudkan bersama rakan-rakan mereka. Oleh itu, kesan dari peranan yang dimainkan oleh rakan sebaya memberi impak dalam perolehan kosakata Bahasa Arab.

Hal ini kerana Ghazali et al. (2010) dalam kajiannya menyatakan bahawa kejayaan pembelajaran kosakata Bahasa Arab juga berkait rapat dengan faktor pengajaran yang berlangsung di dalam kelas. Guru hendaklah membimbing pelajar dalam aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan penguasaan kosakata yang dapat dipertingkatkan melalui kepelbagaian pendekatan pembelajaran. Guru juga tidaklah hanya menterjemah teks bacaan semata-mata, tetapi hendaklah melibatkan pelajar bersamanya bagi mencari makna perkataan dalam teks bacaan. Dengan adanya interaksi ini, pelajar akan dapat berfikir dan menerima pelajaran dengan mudah, khususnya dalam menguasai kosakata. Dalam kajian yang dijalankan oleh Mohammed A. Gharawi et. al (2016) menunjukkan bahawa strategi e-pembelajaran seperti komputer, yang digunakan oleh guru berjaya menari fokus murid untuk mempelajari kosakata bahasa Arab. Oleh itu, para guru juga perlu menitik

beratkan dan berusaha untuk mencari cara pengajaran yang menarik agar pembelajaran bahasa Arab lebih menyenangkan dan positif.

6.0 CADANGAN DAN RUMUSAN

Berdasarkan dapatan kajian, dapatlah dirumuskan bahawa murid menggunakan pelbagai Strategi Pembelajaran Kosakata Bahasa Arab sama ada di dalam mahupun di luar kelas untuk memahami dan mengetahui maksud kosakata Bahasa Arab. Murid didapati banyak bergantung kepada meminta bantuan rakan jika tidak faham penjelasan kosakata yang guru berikan. Murid juga kurang membuat ulangan sebelum atau selepas pembelajaran, ini menyebabkan mereka mudah lupa kosakata Bahasa Arab dengan apa yang telah dipelajari di sekolah. Selain itu, murid menghafal kosakata Bahasa Arab yang sukar difahami untuk tujuan peperiksaan, murid semak jawapan kosakata yang dijawab sebelum menghantar kertas jawapan dan murid berbincang dengan rakan tentang soalan kosakata Bahasa Arab yang pernah keluar ketika musim peperiksaan berlangsung. Secara keseluruhan, murid lebih cenderung untuk bertanya kepada guru dan rakan dalam memahami dan menguasai kosakata Bahasa Arab.

Berikut adalah beberapa cadangan berdasarkan dapatan kajian:

- a) Guru perlu memberi pendedahan terhadap strategi penguasaan kosakata Bahasa Arab yang berkesan kepada murid untuk diamalkan sama ada di dalam atau di luar kelas.
- b) Guru perlu memastikan murid menguasai kosakata dengan baik dan mampu menghasilkan binaan ayat yang lengkap dan difahami.
- c) Strategi pembelajaran kosakata (SPK) Bahasa Arab memerlukan kajian lanjutan yang berkaitan dengan kekuatan dan kelemahan dalam aspek kosakata murid.
- d) Guru Bahasa Arab perlu lebih kreatif dan sensitif tatkala membantu murid dalam memahami makna kosakata Bahasa Arab yang diajarkan. Hal ini perlu ditonjolkan dan dihidupkan dalam strategi pembelajaran dan pembelajaran Bahasa Arab bagi mendekatkan murid dengan budaya masyarakat Arab sebenar.

7.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, Strategi Pembelajaran Kosakata Bahasa Arab mempunyai manfaat tersendiri dalam meningkatkan penguasaan kosakata murid terutamanya dalam menentukan makna dan pembinaan ayat dalam Bahasa Arab. Melalui kajian ini, pelbagai strategi boleh digunakan oleh guru dan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang hendak dijalankan. Namun begitu, pelbagai aspek perlu ditekankan oleh guru untuk menarik minat murid mendalami dan sentiasa menunjukkan sikap positif ketika sesi pembelajaran berlangsung. Tempat pembelajaran yang kondusif sama ada di dalam mahupun di luar kelas, dapat meningkatkan lagi penguasaan kosakata tersebut. Justeru itu, peranan dua hala amat memainkan peranan penting dalam membentuk kejayaan mengeksplorasi Strategi Pembelajaran Kosakata Bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah rendah.

8.0 RUJUKAN

- A. Karkar, J. M. A. Ja'am, S. Foufou and A. Sleptchenko, "An e-learning mobile system to generate illustrations for Arabic text,". (2016). IEEE Global Engineering Education Conference (EDUCON), Abu Dhabi, 2016, pp. 184-191.
- Ahmad Atory Hussain. (2004). Pengantar statistik: pendekatan memahami statistik penyelidikan untuk golongan sains sosial. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Aisah Hasmam, Nik Mohd Rahimi, Maimun Aqsha Lubis, Aisyah Sjahrony. (2017). Amalan Strategi Pemahaman Makna Kosakata Bahasa Arab Berasaskan Konteks Penggunaan Dalam Pengajaran Guru Cemerlang Bahasa Arab. ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J). Volume 1(2) September 2017, 53-66. eISSN: 2000-769X.
- Ashinida, A. 2012. Analisis Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab. GEMA Online Journal of Language Studies, 12, 645-666

- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan: Teori, analisis dan interpretasi data*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Snd. Bhd.
- Baharin Abu, Othman Md Johan, Syed Mohd Shafeq Syed Mansor & Haliza Jaafar. (2007). *Kepelbagaian Gaya Pembelajaran Dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti Di Fakulti Pendidikan, UTM Johor*.
- Barbara Bakker. (2019). *Teaching and Learning Arabic Vocabulary*. Innovation in Language Learning International Conference. Dalarna University, Sweden.
- Biekey & Rodman. (1995). *Adult Learning Styles and Preference for Technology Programs*. National University Research Institute Boston.
- Holmes, R. (2003). Collaborative Projects: a Study of Paired Work in a Malaysian University. *Innovations in Education and Teaching International*, 40(3), 254-259.
- Irma Martiny, Maimun Aqsha Lubis, Zaid Arafat, Aisyah Sjahrony. (2016). Penggunaan Teknik Pembelajaran Aspek Kosakata Bahasa Arab Dalam Kalangan Murid. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*. Volume 1(1) January 2017, 14-24.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi, & Zamri Mahamod. (2009). Hubungan Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Dengan Tahap Penguasaan Bahasa Arab. *JLAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 1 (1). Pp. 41-56. ISSN 1985-6236
- Mar'atus Sholehah. (2017). Proceedings of the International Conference on Education in Muslim Society (ICEMS 2017). Diakses pada 15 Januari 2020 dari <https://www.atlantispress.com/proceedings/icems-17/25895144>
- Mohamad Rofian b B Ismail, Ahmad Redzauddin Ghazali, Khairatul Akhmar Abdul Latif, Nor Effendy Ahmad Sokri (2014). Analisis kesalahan Nahu Bahasa Arab dalam Karangan Pelajar Kursus Pengukuhan Bahasa Arab. *International Research Management and Innovation Conference 2014*
- Mohammad Fauziddin & Makhayatul Fikriya. 2020. Mengenal Kosakata Bahasa Arab melalui Permainan Kartu Huruf Hijaiyah yang Dilengkapi Kosakata. *Journal for Early Childhood Education Research*. Volume 1 Issue 1(2020).
- Mohammed A. Gharawi & Azman Bidin. (2016). Computer Assisted Language Learning for Learning Arabic as a Second Language in Malaysia: Teacher Perceptions. *International Journal of Information and Education Technology*, Vol. 6, No. 8, August 2016.
- Nambiar. (2009). Learning strategy research: Where are we now. *Reading Matrix: An International Online Journal*, 9(2).
- Nurulakhma yahya, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Harun Baharudin, Nurul Izzah Abd. Rahman. (2016). Penggunaan Perisian Quizlet.Com Dalam Pembelajaran Kosakata Bahasa Arab. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Islam 2016 (Ispen-I 2016)*
- Oxford, R. L. & Nyikos, M. (1989). *Variables Affecting Choice of Language Learning Strategies Bu University Students*. *Modern Language Strategies: What Every Teacher Should Know*. New York: Newbury House.
- Oxford, R.L. (1990). *Language Learning Strategies: What Every Teacher Should Know*.
- Rosni Samah. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(May), 555– 569.
- Sekaran, U. (2003). *Research methods for business: A skill building approach*. 4th Edition. Boston: John Wiley & Sons.
- Suhaidah Abdul Samat. (2015). *Strategi Pembelajaran Nahu Bahasa Arab Di Sekolah Menengah Agama Negeri (Sman) Perak*. Tesis Sarjana Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaid Arafat Mohd Noor, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Irma Martiny Md. Yasim & Mohd Yusri Kamarudin. (2016). Foreign Language Vocabulary Learning Strategies in Malaysia. Diakses pada 20 Januari 2020 dari https://www.scirp.org/pdf/CE_2016031616200506.pdf
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2010). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dan Inggeris Pelajar Cemerlang*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.